

1991

KUALA LUMPUR, 6 MEI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI PERLANTIKANNYA ATAU LAIN-LAIN PEMIMPIN UMNO SEBAGAI KETUA BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI-NEGERI TERTENTU TALAH DEMI KEPENTINGAN PARTI ITU SENDIRI.

BAGAIMANAPUN, JIKA ADA TOKOH DARI KALANGAN ANAK NEGERI BERKENAAN SENDIRI YANG MAHU DAN DIFIKIRKAN LAYAK OLEH PARTI UNTUK MENJADI KETUA BADAN TERSEBUT, BELIAU RELA MELEPASKAN KEDUDUKAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO BERKATA, +BAGI DIRI SAYA, TIDAK MENJADI MASALAH JIKA ADA ANAK NEGERI BERKENAAN DIFIKIRKAN LAYAK UNTUK MEMEGANG JAWATAN ITU.

+BAGAIMANAPUN, APA YANG DILAKUKAN KESEMUANYA ADALAH DEMI KEPENTINGAN UMNO, + TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI PEJABATNYA.

BELIAU DIMINTA MENGULAS LAPORAN MENGATAKAN GOLONGAN TERTENTU DALAM UMNO DI PERAK MENUNTUT SUPAYA JAWATAN KETUA BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI ITU YANG DIPEGANGNYA DIBERIKAN KEPADA SEORANG ANAK NEGERI.--BERSAMBUNG 1950/HM

MAHATHIR-POLITIK 2 KUALA LUMPUR

DIMINTA MENGULAS TENTANG SPEKULASI BAHAWA PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN MUNGKIN MELETAKKAN JAWATAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +ITU KENA TANYA DATUK HUSSEIN SENDIRI.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA BELIAU TIDAK PERLU MENGUMUMKAN TENTANG FORMULA PENYELESAIAN ISU BANK UMBC.

MENURUTNYA, KEDUA-DUA PIHAK YANG BERCANGGAH PENDAPAT IAITU PEMUDA UMNO DAN MCA MASING-MASING TELAH MENYERAHKAN KES ITU UNTUK DISELESAIKAN MENGIKUT BUDIBICARA BELIAU.

+KALAU SAYA SUDAH DIBERI KEPERCAYAAN KEDUA-DUA PIHAK SAYA YAKIN BUDIBICARA SAYA KELAK AKAN MEMUASKAN HARI MEREKA YANG TERLIBAT,+ KATANYA.

TENTANG AKTA PERTUBUHAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA

BELIAU SENDIRI TIDAK PERNAH BERTANYAKAN KEPADA PARA PEGAWAINYA BERAPA LAMAKAH MEREKA MENGAMBIL MASA UNTUK MENGURUSKAN LANGKAH SETERUSNYA UNTUK MENDAPAT PERKENAN YANG DI-PERTUAN AGONG BAGI AKTA ITU DAN DIWARTAKAN.--BERSAMBUNG 1958/HM

B613

MAHATHIR-POLITIK 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN TUGAS DARI SEGI PERUNDANGAN TENTANG AKTA ITU (THE LEGISLATORS PART) SUDAH PUN SEMPURNA DAN BIASANYA URUSAN MEWARTAKANNYA TIDAK MENGAMBIL MASA TERLALU LAMA.

BELIAU DITANYA OLEH PEMBERITA SAMA ADA AKTA ITU AKAN DIWARTAKAN SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO JUN. INI.

BELIAU MENJELASKAN LAGI SESIAPAPUN YANG KINI DIPENJARA TERMASUK BEKAS MENTERI BESAR DATUK HARUN IDRIS MISALNYA YANG MUNGKIN INGIN MEREKUT JAWATAN DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO SELEPAS AKTA ITU DIWARTAKAN KELAK, BOLEH MEMOHON PENGECUALIAN DARI MENTERI DALAM NEGERI.

+INI MEMANG DIPERUNTUKKAN DALAM AKTA TERSEBUT DAN KITA MENGIKUT APA YANG DIKEHENDAKI OLEH UNDANG-UNDANG,+ KATANYA.--BERNAMA 2000/HM